

25/08/2002

`Kami bangga menjadi rakyat Malaysia'

Raihanah Abdullah

RAKYAT yang lahir pada 31 Ogos bersyukur dan berbangga mendiami bumi Malaysia yang terus membangun, aman dan makmur serta terhindar daripada bencana termasuk peperangan.

Kelompok Anak Merdeka itu memuji kesungguhan kerajaan membangunkan negara dalam pelbagai bidang selain berjaya mengeluarkan warga dari kepompong kemunduran.

Abu Bakar Ismail (lahir 31 Ogos 1957)

Bertugas sebagai Pengarah Eksekutif Tiara Freight (M) Sdn Bhd, beliau berkata langkah kerajaan berhubung penggunaan Sains dan Matematik adalah satu pembaharuan yang positif dalam sistem pendidikan di negara ini.

Ini kerana pendidikan di universiti, contohnya, di bidang kejuruteraan, perubatan, ekonomi dan undang-undang menggunakan bahasa Inggeris, malah buku rujukan juga adalah di dalam bahasa Inggeris.

"Perpaduan kaum di negara ini pula dapat terus ditingkatkan melalui sistem pendidikan di sekolah wawasan kerana usaha menyemai dan memupuk semangat perpaduan perlu dilakukan sejak di peringkat bangku sekolah lagi," katanya yang juga Naib Presiden Persatuan Anak-Anak Merdeka Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Dr Mohamed Alwi Abdul Rahman (lahir 31 Ogos 1963)

Pakar Perubatan Kecemasan, Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Kuala Lumpur (HKL) berkata, golongan profesional di negara ini tidak seharusnya lupa pada tanggungjawab mereka untuk membuat kebajikan kepada masyarakat.

Dr Mohamed Ali mengakui, setiap orang pasti sibuk dengan tugas dan tanggungjawab rasmi tetapi pada masa yang sama, mereka perlu bijak membahagikan masa untuk menyertai mana-mana persatuan dan badan bukan kerajaan (NGO) sebagai satu daripada sumbangan kepada masyarakat dan tanah air.

"Masa dicipta oleh kita sendiri. Paling penting kita perlu rangka pelan kerja seharian untuk memastikan kita juga mampu melaksanakan tugas lain selain tanggungjawab rasmi. Dengan menyertai persatuan atau NGO, sedikit sebanyak kita berpeluang meningkatkan perpaduan tanah air dan membantu masyarakat yang memerlukan bantuan," katanya.

Beliau dilahirkan di Hospital Assunta, Petaling Jaya pada 31 Ogos 1963 adalah Setiausaha Anak-Anak Merdeka Selangor dan Wilayah Persekutuan, Setiausaha Rakan Kesihatan HKL dan ahli jawatankuasa Kelab Rotary Kampung Baru dan Badan Amal Kebajikan Islam Wilayah Persekutuan.

Norhayati Mohd Hanafiah (lahir 31 Ogos 1964)

Beliau yang bekerja sebagai pengurus di sebuah syarikat antarabangsa, berkata pelbagai kesenangan yang dinikmati oleh generasi muda sekarang adalah hasil usaha dan kebijaksanaan pemimpin zaman dulu dan sekarang.

"Saya tidak dapat bayangkan bagaimana jika kita masih dijajah oleh bangsa asing. Namun, apa yang pasti, kita tidak dapat menikmati segala kemudahan dan kesenangan sebagaimana sekarang," katanya yang lahir di Lanchang, Pahang pada 31 Ogos 1964.

Norashikin Lajis @ Aziz (lahir 31 Ogos 1963)

Kakitangan Hospital Kuala Lumpur berpendapat, mereka yang dilahirkan pada 31 Ogos perlu mempunyai semangat yang tinggi, berani dan cergas selain sentiasa bersedia untuk membantu membangunkan tanah air.

Beliau yang dilahirkan di Duyong, Melaka pada 31 Ogos 1963 berasa bertuah, bangga dan bersyukur kerana dilahirkan pada tarikh keramat itu.

"Saya terasa bertuah kerana hari jadi saya disambut oleh semua orang

secara besar-besaran pada setiap tahun. Saya bangga melihat banyak perubahan yang dikecapi rakyat berbilang bangsa di negara ini dan segala kesenangan itu harus dikekalkan dan ditingkatkan mengikut perubahan semasa.

"Bidang perubatan semakin menyerlah sekarang berikutan penggunaan teknologi moden dalam merawat pesakit," kata Norashikin.

Che Puteh Zainal Abidin (lahir 31 Ogos 1963)

Eksekutif Kanan di sebuah syarikat kenderaan terpakai di Kampung Melayu Subang, Che Puteh Zainal Abidin, yang lahir di Pokok Sena Kedah berkata, Malaysia banyak mencipta sejarah selepas bebas daripada cengkaman penjajah.

"Setiap pemimpin mempunyai sumbangan membangunkan negara. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya membawa banyak pembaharuan dan kejayaan kepada Malaysia walaupun di dalam peta dunia, negara kita sungguh kecil berbanding negara lain," katanya.